PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# MANUAL PENGGUNA




## VERSI 2.0

MyUBAT

# KANDUNGAN


- SKRIN UTAMA
- PENDAFTARAN AKAUN BAHARU
- LOG MASUK
- TERLUPA KATA LALUAN
- DASHBOARD
- PENGESAHAN IDENTITI
- PEMBEKALAN UBAT SUSULAN
- PERMOHONAN NILAI TAMBAH BAHARU
- PILIH JENIS PERKHIDMATAN
- MAKLUMAT JANJI TEMU
- TUKAR JANJI TEMU
- AKAUN MyUBAT
- NOTIFIKASI
- SEJARAH
- REKOD PRESKRIPSI & REKOD SAYA
- AKAUN BERBILANG

MyUBAT

BOLEH DIAKSES



TELEFON PINTAR

atau



TABLET

atau



KOMPUTER/ LAPTOP

MAKLUMAT LANJUT
https://myubat.pharmacy.gov.my

# SKRIN UTAMA MyUBAT







**Log masuk** untuk pengguna sedia ada
**Log Masuk Pengguna Baru** bagi mendaftar akaun baharu

# PENDAFTARAN AKAUN BAHARU







Pengguna warganegara Malaysia perlu melengkapkan semua maklumat untuk daftar akaun baharu.
Pengguna bukan warganegara Malaysia perlu berdaftar di kaunter farmasi KKM.

# LOG MASUK







Bagi warganegara, masukkan nombor kad pengenalan (tanpa sempang) dan kata laluan akaun.
Bagi bukan warganegara, masukkan nombor pasport yang didaftarkan bersama kata laluan.

# TERLUPA KATA LALUAN







Masukkan alamat e-mel yang digunakan semasa pendaftaran akaun.
Dapatkan bantuan daripada pegawai farmasi di kaunter farmasi KKM sekiranya tiada alamat e-mel.

# ... TERLUPA KATA LALUAN







Masukkan enam (6) digit kod pengesahan yang dihantar ke alamat e-mel akaun MyUBAT dan tetapkan kata laluan baharu.

# DASHBOARD







Dashboard memaparkan ringkasan maklumat berkaitan perkhidmatan farmasi yang diterima pengguna.

# PENGESAHAN IDENTITI







Pengesahan identiti hanya dipaparkan kepada akaun pengguna yang belum mengesahkan maklumat peribadi dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

# PEMBEKALAN UBAT SUSULAN







Skrin **Bekalan** menyenaraikan rekod temu janji bagi pembekalan ubat susulan.
Klik **Semak/Tukar** untuk papar maklumat tambahan atau **Mohon Baru** untuk permohonan baharu.

# PERMOHONAN NILAI TAMBAH BAHARU







Bagi pengguna kali pertama, permohonan nilai tambah baharu perlu dimohon.
Pengguna perlu memilih **lokasi** fasiliti kesihatan KKM bagi rawatan kesihatan diterima.

# PILIH JENIS PERKHIDMATAN







Pilih **jenis perkhidmatan** nilai tambah yang disediakan oleh fasiliti kesihatan.
Klik **Mohon perkhidmatan** untuk mengisi borang permohonan.

# LENGKAPKAN BORANG PERMOHONAN







Borang permohonan perlu diisi dengan lengkap.
Pastikan **gambar** yang dimuat naik perlu dalam mod **melintang** (*landscape*).

# MAKLUMAT JANJI TEMU







Maklumat tambahan janji temu dapat diakses dengan klik pada butang **Semak/Tukar** di skrin **Bekalan**.

# TUKAR JANJI TEMU







Pinda atau kemas kini maklumat janji temu dengan klik pada butang **Tukar Maklumat Janji Temu**.

# TUKAR JENIS PERKHIDMATAN







**Jenis perkhidmatan** boleh ditukar kepada perkhidmatan lain yang disediakan di fasiliti kesihatan.

# TUKAR TARIKH / ALAMAT PENGHANTARAN







**Tarikh temu janji** asal boleh dipinda ke tarikh lain sekiranya ada urusan yang tidak dapat dielakkan. **Alamat penghantaran** yang dikunci masuk semasa pendaftaran juga boleh dipinda semula.

# AKAUN MyUBAT







Maklumat akaun MyUBAT boleh dikemas kini di skrin **Akaun**.
Skrin ini membolehkan avatar, profil dan kata laluan akaun dikemas kini.

# NOTIFIKASI







Notifikasi akan dihantar ke aplikasi telefon pintar menerusi "*push notification*".
Notifikasi juga boleh diakses di skrin **Notifikasi** dan disimpan untuk tempoh 30 hari.

# SEJARAH







Skrin **Sejarah** memaparkan sejarah rekod perkhidmatan farmasi yang dimohon dan diterima oleh pengguna MyUBAT sebagai rujukan.

# REKOD PRESKRIPSI







Skrin **Preskripsi** menyenaraikan preskripsi yang dibekalkan secara susulan dalam MyUBAT sebagai rujukan. Preskripsi asal masih perlu disimpan dan dibawa semasa mengambil bekalan ubat.

# REKOD PRESKRIPSI – REKOD SAYA







Skrin **Preskripsi – Rekod Saya** memaparkan sejarah rekod perubatan yang telah dipreskrib. Menu "**Rumusan**" akan memaparkan ringkasan rekod perubatan.

# MEJA BANTUAN







Hubungi **Meja Bantuan** sekiranya terdapat sebarang permasalahan teknikal atau pertanyaan untuk pihak kami semak dan bantu.

# AKAUN BERBILANG







**Akaun Berbilang** membenarkan ahli keluarga yang lain mendaftar dan menggunakan MyUBAT pada peranti/telefon pintar yang sama. Klik pada **Tambah Akaun** untuk mendaftar akaun berbilang.

# TAMBAH AKAUN BERBILANG







**Akaun Berbilang** boleh didaftar bagi akaun MyUBAT yang telah aktif atau mendaftarkan ahli keluarga dengan akaun baharu. Ikuti proses log masuk/daftar akaun baharu yang dipaparkan di skrin.

# TAMBAH AKAUN BERBILANG – AKAUN SEDIA ADA







Bagi akaun sedia ada yang telah aktif, log masuk dengan nombor kad pengenalan/pasport dan kata laluan akaun MyUBAT. Klik butang **Log Masuk** untuk melengkapkan proses daftar akaun berbilang.

# URUS AKAUN BERBILANG







Senarai daftar akaun ahli keluarga akan dipaparkan di skrin **Akaun Berbilang**.
Penukaran akses akaun boleh dibuat dengan klik pada nama akaun dan pilih akaun ahli keluarga yang lain.